

RANCANGAN MALAYSIA KESEPULUH

2011 - 2015



Rakyat Didahulukan,
Pencapaian Diutamakan





MALAYSIA

RANCANGAN MALAYSIA KESEPULUH 2011-2015

Diterbitkan oleh
UNIT PERANCANG EKONOMI
JABATAN PERDANA MENTERI
PUTRAJAYA
2010



**Perdana Menteri
Malaysia**

Prakata

Rancangan Malaysia Kesepuluh menetapkan satu lagi mercu tanda bersejarah dalam usaha kita melaksanakan misi penting ke arah menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi sebagaimana yang dihasratkan dalam Wawasan 2020. Kita berjaya menempa kemajuan besar dalam pembangunan ekonomi dan sosial sepanjang 53 tahun kita memajukan negara tetapi kini kita berhadapan dengan cabaran baharu yang berbeza. Kita tidak boleh lagi bergantung pada strategi dan pendekatan masa lampau dalam memacu pertumbuhan ekonomi negara. Malaysia memerlukan pendekatan baharu, semangat baharu dan tekad baharu yang didorong oleh semangat 1Malaysia untuk melonjakkan negara ke tahap pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi.

Rancangan Malaysia Kesepuluh mengandungi aspirasi Program Transformasi Kerajaan dan Model Baru Ekonomi yang berteraskan pendapatan tinggi, keterangkuman dan kemampanan. Rancangan ini merencanakan pembangunan negara untuk tempoh lima tahun akan datang dengan matlamat untuk menyampaikan hasil yang dihasratkan untuk semua rakyat. Rancangan ini menyediakan pentas bagi transformasi struktur utama yang diperlukan oleh ekonomi berpendapatan tinggi serta hala tuju dasar, strategi dan program baharu yang membolehkan negara tampil sebagai negara maju dan berpendapatan tinggi. Program pembangunan nasional berteraskan enam Bidang Keberhasilan Utama Negara, seperti yang digariskan dalam Program Transformasi Kerajaan, Bidang Ekonomi Utama Negara dalam Program Transformasi Ekonomi dan pembaharuan ekonomi strategik dalam Model Baru Ekonomi. Rancangan ini memperincikan strategi untuk memastikan peranan yang lebih berfokus bagi Kerajaan selaku pengawal selia dan pemangkin, dan pada masa yang sama mendukung gagasan 1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan demi penyampaian perkhidmatan yang berkesan.

Untuk melihat Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi, kita mesti berupaya bersaing di peringkat serantau dan juga global. Hal ini memerlukan kita melipatgandakan usaha untuk menarik pelaburan, memacu inovasi dan produktiviti. Teras bagi mana-mana ekonomi berpendapatan tinggi yang produktif terletak pada tenaga kerja yang berdaya saing, kreatif dan inovatif di peringkat global. Untuk mencapainya, suatu pendekatan bersepadu bagi memupuk, menarik dan memelihara asas tenaga mahir bertaraf dunia akan dilaksanakan. Kreativiti, tenaga dan inisiatif sektor swasta akan dimanfaatkan sebagai pendorong utama aspirasi pertumbuhan negara. Kita akan menghapuskan halangan berstruktur dan peraturan lapuk untuk mewujudkan persekitaran pasaran yang cekap lagi fleksibel bagi sektor swasta.

Dalam meraih pertumbuhan ekonomi, fokus akan diberikan kepada penggunaan sumber yang cekap dalam sektor yang memiliki kelebihan daya saing. Bandar raya dan kelompok bandar tertentu akan dimajukan menjadi kota yang rancak, produktif dan sesuai didiami setanding dengan kota utama lain di dunia. Hal ini amat penting dalam misi kita untuk menarik tenaga mahir, syarikat dan pelaburan ke Malaysia. Pelaburan terhadap infrastruktur untuk menghubungkan kawasan luar bandar dengan kelompok bandar akan ditingkatkan bagi memastikan keterangkuman tercapai dalam perkongsian manfaat ekonomi. Kerajaan juga komited untuk meningkatkan punca pendapatan isi rumah 40% terendah tanpa mengira kaum, latar belakang atau lokasi, melalui program bina pendapatan dan bina upaya, mengukuhkan jaringan keselamatan sosial dan menangani keperluan kumpulan kurang bernasib baik. Agenda untuk melahirkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) yang kukuh dan dinamik serta pegangan ekuiti dan sumber kekayaan yang lain akan diteruskan dengan pendekatan baharu, sejajar dengan persekitaran global dan keutamaan negara pada masa kini.

Dalam melaksanakan Rancangan ini, keputusan kritikal untuk membawa perubahan perlu diambil. Justeru, saya menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya berganding bahu dan memberikan sepenuh usaha dalam merebut peluang yang ada untuk melakukan perubahan yang sukar ini demi masa hadapan negara dan generasi akan datang.



DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK

Perdana Menteri, Malaysia

Putrajaya

10 Jun 2010



Isi Kandungan

BAB 1	1 MALAYSIA: MENCARTA PEMBANGUNAN KE ARAH NEGARA BERPENDAPATAN TINGGI	2
	10 IDEA UTAMA	8
	1. EKONOMI DIPACU OLEH FAKTOR DALAM NEGARA DI SAMPING MENGAMBIL KIRA PERSEKITARAN LUAR NEGARA	9
	2. MEMANFAATKAN KEPELBAGAIAN ETNIK UNTUK MENCAPAI KEJAYAAN DI ARENA ANTARABANGSA	11
	3. TRANSFORMASI KE ARAH NEGARA BERPENDAPATAN TINGGI MENERUSI PENGKHUSUSAN	14
	4. MENJAYAKAN PERTUMBUHAN YANG DITERAJUI OLEH PRODUKTIVITI DAN INOVASI	16
	5. MEMUPUK, MENARIK DAN MENGEKALKAN MODAL INSAN CEMERLANG	17
	6. MEMASTIKAN PELUANG SAMA RATA DAN MELINDUNGI GOLONGAN YANG MUDAH TERJEJAS	18
	7. PERTUMBUHAN BERTUMPUJ, PEMBANGUNAN INKLUSIF	20
	8. MENYOKONG PERKONGSIAN PINTAR DAN BERKESAN	24
	9. MENGHARGAI KHAZANAH ALAM SEKITAR	26
	10. KERAJAAN UMPAMA SYARIKAT YANG BERDAYA SAING	29
BAB 2	MEMBANGUN BERASASKAN KEKUATAN NEGARA	34
	MENGIMBAS KEMBALI: PENCAPAIAN DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN	36
	<i>Pencapaian Ekonomi Makro Dalam Tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan</i>	36
	Pertumbuhan Diteraju oleh Permintaan Dalam Negeri	37
	Prestasi Sektor Luar Negara yang Perlahan	39
	Prestasi Mengikut Sektor Diteraju Sektor Perkhidmatan	41
	Cabaran Pengukuhan Fiskal	42
	<i>Kemajuan Di Bawah Misi Nasional</i>	44
	Teras 1: Meningkatkan Ekonomi Dalam Rantaian Nilai Lebih Tinggi	44
	Teras 2: Meningkatkan Keupayaan Pengetahuan dan Inovasi Negara serta Memupuk ‘Minda Kelas Pertama’	46
	Teras 3: Menangani Masalah Ketidaksamaan Sosioekonomi yang Berterusan Secara Membina dan Produktif	48
	Teras 4: Meningkatkan Tahap dan Kemampunan Kualiti Hidup	48

	Teras 5: Mengukuhkan Keupayaan Institusi dan Pelaksanaan	52
	PROSPEK DALAM TEMPOH RANCANGAN MALAYSIA KESEPULUH, 2011-2015	53
	<i>Menghadapi Ekonomi Global yang Mencabar</i>	53
	<i>Mentransformasikan Ekonomi Malaysia</i>	54
	Mengekalkan Tahap Guna Tenaga Penuh	56
	Mendorong Pertumbuhan Diteraju Produktiviti	56
	Merencanakan Dinamisme Sektor Swasta	57
	Mengekalkan Pertumbuhan Penggunaan Swasta	58
	Mempelbagai Pasaran Eksport	59
	Mengekalkan Lebihan Imbangan Pembayaran	60
	Mencapai Sasaran Mengikut Sektor	61
	Meningkatkan Kecekapan Dasar Fiskal	62
	MELANGKAH KE HADAPAN	65
BAB 3	MEWUJUDKAN PERSEKITARAN UNTUK MENJAYAKAN PERTUMBUHAN EKONOMI	70
	MEWUJUDKAN EKONOMI DITERAJU OLEH SEKTOR SWASTA	74
	<i>Memodenkan Peraturan Perniagaan</i>	74
	<i>Meliberalisasi Sektor Perkhidmatan</i>	77
	<i>Menghapuskan Herotan Pasaran Melalui Rasionalisasi Subsidi</i>	78
	<i>Memperkenalkan Undang-undang Persaingan</i>	79
	<i>Menambah Baik Saling Hubungan di antara Kerajaan dengan Perniagaan</i>	79
	MENYOKONG PERTUMBUHAN DITERAJU INOVASI	82
	<i>Membentuk Persekitaran yang Menyokong Inovasi</i>	83
	Pendidikan dan Latihan	83
	K-infrastruktur	83
	Dasar Perdagangan dan Pelaburan	84
	Undang-undang Insolvensi	84
	Program Inkubator	84
	K-SME	85
	<i>Mewujudkan Peluang Inovasi</i>	85
	Perolehan Awam	85
	Peraturan	85

Menyediakan Pemboleh Inovasi	87
Institusi	87
Harta intelek	88
<i>Membiayai Inovasi</i>	88
MERASIONALISASI PERANAN KERAJAAN DALAM PERNIAGAAN	92
<i>Meningkatkan Penswastaan dan Perkongsian Awam-Swasta</i>	92
<i>Menubuhkan Dana Fasilitasi</i>	93
<i>Mencapai Keseimbangan yang Sesuai antara Kerajaan, GLC dan Sektor Swasta</i>	93
Merasionalisasi Peranan GLC dalam Ekonomi	94
Merasionalisasi Peranan Kerajaan dalam Ekonomi	94
Memisahkan Peranan Pengendali dan Pengawalselia	95
MEMBANGUNKAN EKS SEBAGAI JENTERA PERTUMBUHAN DAN INOVASI	96
<i>Mengurangkan Kos Kawal Selia yang Ditanggung EKS</i>	97
<i>Membina Keupayaan dan Kebolehan</i>	98
<i>Menyokong Pewujudan Budaya Keusahawanan</i>	99
<i>Mengukuh Sistem Sokongan EKS</i>	99
<i>Meningkatkan Akses EKS Kepada Pembiayaan</i>	100
BERSAING DI PERINGKAT GLOBAL	102
<i>Bersaing dalam Pasaran Global</i>	102
Memperluas Pasaran Eksport	103
Membantu Syarikat Malaysia Menembusi Pasaran Eksport	103
Merancang Momentum Perdagangan daripada FTA	104
Mengurangkan Kos Transaksi	105
<i>Persaingan untuk Menarik Pelaburan dan Bakat Asing ke Malaysia</i>	106
Menanda Aras Daya Tarikan Malaysia	107
Memperkasa MIDA untuk Menarik Pelaburan	108
Melabur dalam Pengambilan Bakat	108
MEWUJUDKAN INFRASTRUKTUR BERTARAF DUNIA UNTUK MENYOKONG PERTUMBUHAN DAN MENINGKATKAN PRODUKTIVITI	110
<i>Meningkatkan Penembusan Jalur Lebar</i>	110
<i>Meneruskan Usaha Menaik Taraf Infrastruktur Fizikal untuk Menambah Baik Akses dan Perhubungan</i>	112

Rangkaian Pengangkutan Pelbagai Mod	113
Pembangunan Rel	113
Infrastruktur Maritim	114
Pembangunan Lapangan Terbang	114
<i>Menjamin Pemerolehan dan Pembekalan Tenaga yang Efektif</i>	114
Pelaksanaan Inisiatif Pembekalan dan Pengurusan Sumber Tenaga yang Andal	115
Pelaksanaan Inisiatif Kecekapan Tenaga	116
Penetapan Harga Tenaga Berasaskan Pasaran	116
Pengukuhan Tadbir Urus	117
Mengurus Perubahan	117
MEMBERI TUMPUAN KEPADA JENTERA PERTUMBUHAN UTAMA	119
<i>Memacu Pertumbuhan Melalui Aglomerasi Bandar</i>	119
<i>Memberi Tumpuan kepada Koridor Sekitar Kluster</i>	121
Iskandar Malaysia	122
Koridor Ekonomi Wilayah Utara	122
Wilayah Ekonomi Pantai Timur	123
Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak	123
Koridor Pembangunan Sabah	124
<i>Bidang Ekonomi Utama Negara</i>	125
1) Minyak dan gas	126
2) Minyak sawit dan produk berkaitan	127
3) Perkhidmatan kewangan	128
4) Pendorongan dan peruncitan	130
5) Pelancongan	131
6) Teknologi maklumat dan komunikasi	132
7) Pendidikan	133
8) Elektrik dan elektronik	134
9) Perkhidmatan perniagaan	135
10) Penjagaan kesihatan swasta	136
11) Pertanian	137
12) <i>Greater</i> Kuala Lumpur	138
KESIMPULAN	139

BAB 4	MENUJU KE ARAH PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI SECARA INKLUSIF	142
	MENINGKATKAN TARAF HIDUP ISI RUMAH 40% TERENDAH	151
	<i>Meningkatkan Potensi Menjana Pendapatan bagi Isi Rumah 40% Terendah</i>	154
	Meningkatkan kualiti hidup isi rumah luar bandar	155
	Meningkatkan penyertaan isi rumah bandar dalam aktiviti ekonomi	158
	<i>Membantu Kanak-kanak di Kalangan Isi Rumah 40% Terendah untuk Mempertingkat Pencapaian Pendidikan dan Kemahiran</i>	160
	<i>Memperkuh Jaringan Keselamatan Sosial untuk Membantu Kumpulan yang Kurang Mendapat Manfaat</i>	162
	Menyediakan program bantuan rumah kepada isi rumah miskin di bandar dan luar bandar	162
	Menyediakan bantuan pendapatan, subsidi dan akses yang lebih baik kepada kemudahan kesihatan	163
	<i>Menangani Keperluan Kumpulan Sasar Khusus Melalui Pelaksanaan Program Bersepadu</i>	164
	Meningkatkan keupayaan Bumiputera di Sabah dan Sarawak dan masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia	164
	Menyediakan bantuan kewangan kepada Penduduk di kampung baru Cina untuk menaik taraf rumah dan membiayai aktiviti perniagaan	166
	Meningkatkan akses kepada infrastruktur dan kemudahan asas untuk meningkatkan taraf hidup pekerja ladang	166
	MENINGKATKAN PENYERTAAN BUMIPUTERA DALAM EKONOMI	167
	<i>Memperkuh Keusahawanan Bumiputera untuk Mewujudkan Perniagaan yang Berdaya Saing dalam Sektor Berimpak Tinggi</i>	168
	Mewujudkan peneraju industri yang lebih kukuh dan berdaya saing	170
	Pengukuhan kemampuan dan keupayaan usahawan dalam segmen nilai ditambah tinggi	171
	<i>Memperluas dan Mempertingkat Kekayaan Bumiputera bagi Memastikan Pemilikan Secara Kekal dan Berterusan</i>	173
	<i>Menggalakkan Penyertaan Bumiputera dalam Pekerjaan Berpendapatan Tinggi Melalui Peningkatan Keupayaan dan Insentif Permintaan Pasaran</i>	175
	MEMASTIKAN AKSES KEPADA INFRASTRUKTUR FIZIKAL ASAS DAPAT DINIKMATI OLEH SEMUA RAKYAT	176
	MEMBINA MASYARAKAT YANG LEBIH PROGRESIF DAN INKLUSIF	180
	<i>Memperkasa Wanita bagi Meningkatkan Sumbangan Mereka dalam Ekonomi</i>	180

	<i>Membentuk Belia untuk Menjadi Pemimpin Masa Hadapan yang Dinamik dan Berinspirasi</i>	184
	<i>Menjamin Keselamatan dan Kesejahteraan Kanak-kanak</i>	186
	<i>Menyokong Warga Emas Supaya Terus Berperanan Produktif dan Bermakna dalam Masyarakat</i>	187
	<i>Mengintegrasikan Orang Kurang Upaya ke dalam Masyarakat</i>	188
	<i>Memperkuh Institusi Keluarga bagi Menghadapi Cabaran Kehidupan Moden</i>	189
	KESIMPULAN	190
BAB 5	MEMBANGUN DAN MENGEKALKAN MODAL INSAN BERTARAF DUNIA	194
	MEROMBAK SISTEM PENDIDIKAN UNTUK MENINGKATKAN PRESTASI PELAJAR DENGAN SIGNIFIKAN	198
	<i>Memastikan Setiap Kanak-kanak Boleh Berjaya</i>	200
	Penyediaan Asas Pendidikan yang Kukuh kepada Lebih Ramai Kanak-kanak	200
	Peningkatan Enrolmen dan Kualiti Prasekolah	201
	Merendahkan Umur bagi Permulaan Persekolahan	201
	Memastikan Penguasaan Literasi dan Numerasi	202
	Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memantapkan Penguasaan Bahasa Inggeris	203
	<i>Akauntabiliti Sekolah Terhadap Prestasi Pelajar</i>	204
	Meningkatkan Prestasi Semua Sekolah melalui Program Peningkatan Kualiti Sekolah Secara Menyeluruh	204
	Peningkatan Prestasi Sekolah melalui Program Sekolah Berprestasi Tinggi	205
	<i>Membuat Pelaburan ke atas Pemimpin Unggul di Setiap Sekolah</i>	206
	Memperkenalkan Bai'ah atau Tawaran Baru bagi Guru Besar dan Pengetua Sekolah	207
	Peningkatan Sokongan dan Bimbingan kepada Guru Besar dan Pengetua	208
	<i>Meningkatkan Daya Tarikan Keguruan dan Menghasilkan Guru Terbaik</i>	208
	Mempertingkatkan Kualiti Guru Baru Secara Signifikan	209
	Menjadikan Profesion Keguruan Pilihan Utama	211
	Pengukuhan Latihan Perguruan melalui Latihan Praktikum	211
	Penghapusan Jaminan Penempatan Guru Pelatih	212
	Peralihan kepada 'Sistem Terbuka' dalam Latihan Guru	212
	Tawaran Baru untuk Semua Guru bagi Meningkatkan Kualiti Perkhidmatan	212
	Kemajuan Kerjaya Lebih Cepat Berasaskan Kompetensi	213
	Pembangunan Profesional yang Berterusan yang Bersesuaian bagi Menyokong Pembangunan Keupayaan dan Kemajuan Kerjaya	213

<i>Pelaksanaan Instrumen dan Proses Baru untuk Penilaian dan Penaksiran Guru</i>	214
<i>Transformasi Keberkesanan Penyampaian</i>	215
Pengukuhan Penyampaian Perkhidmatan untuk Menyokong Kemajuan Sekolah	215
Pelaksanaan Kurikulum Baru untuk Memupuk Kreativiti dan Inovasi	215
Pendidikan Asas dan Prasekolah Swasta	216
Perkongsian Awam-Swasta dalam Pembangunan Prasekolah	216
Perkongsian Awam-Swasta dalam Pendidikan Asas	217
MENINGKATKAN KEMAHIRAN RAKYAT MALAYSIA UNTUK MELUASKAN KEBOLEHPASARAN	219
<i>Mengarusperdanakan dan Memperluas Akses kepada Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional yang Berkualiti</i>	220
Menambah Baik Persepsi Terhadap TEVT dan Menarik Minat Lebih Ramai Pelajar	222
Membangunkan Tenaga Pengajar TEVT yang Lebih Efektif	224
Mempertingkatkan dan Mengharmonikan Kualiti Kurikulum TEVT Selaras dengan Keperluan Industri	225
Memperkemas Penyampaian TEVT	227
<i>Meningkatkan Kompetensi Siswazah bagi Menyediakan Mereka Memasuki Pasarannya</i>	228
Memperkukuh Kerjasama Industri dan Penyelidikan	229
Memberi Lebih Autonomi kepada Universiti dan Memperkukuh Budaya Berprestasi Tinggi	230
Menginstitusikan Autonomi dalam Universiti	230
Mengukuh Budaya Berprestasi Tinggi di Universiti	231
Memperkukuh Kurikulum Kursus Pengajian bagi Menyeimbangkan Kandungan Akademik dan <i>Soft Skills</i>	232
Melantik dan Mengekalkan Staf Akademik yang Terbaik	233
MENYUSUN SEMULA PASARAN PEKERJAAN UNTUK MENJADIKAN MALAYSIA NEGARA BERPENDAPATAN TINGGI	235
<i>Menjadikan Pasaran Pekerjaan Lebih Fleksibel</i>	235
Mengkaji Semula Rangka Kerja Perundangan dan Institusi bagi Menyediakan Kaedah Pengajian dan Pemecatan yang Fleksibel	236
Memperkukuh Perkhidmatan Pekerjaan bagi Meningkatkan Mobiliti Pekerja	237
Memperbaharui Dasar Pekerja Asing Tidak Mahir	237
Meningkatkan Penyertaan Tenaga Kerja	239
<i>Meningkatkan Kemahiran dan Keupayaan Tenaga Kerja Sedia Ada</i>	239
Menggalakkan Perkongsian Kos Latihan	240

	Menggerakkan Industri bagi Meningkatkan Kemahiran Tenaga Kerja	241
	Menaik Taraf dan Memperluas Akses kepada Kolej Komuniti	243
	MENARIK DAN MENGEKALKAN MODAL INSAN BERKEPAKARAN	244
	Mempermudah Prosedur dan Menyedia Insentif Lebih Baik untuk Menarik Modal Insan Asing Berkepakaran	244
	Menjadikan Bandar Lebih Menarik kepada Modal Insan Berkepakaran	245
	Mewujudkan Kesenambungan Pembangunan Modal Insan Berkepakaran untuk Masa Hadapan	245
	Penglibatan Diaspora Rakyat Malaysia	246
	Menubuhkan <i>Talent Corporation</i> bagi Membekalkan Negara dengan Modal Insan Berkepakaran yang Diperlukan	247
	KESIMPULAN	250
BAB 6	MEWUJUDKAN PERSEKITARAN KE ARAH MENINGKATKAN KUALITI HIDUP	254
	MEMBANGUNKAN KAWASAN KEDIAMAN YANG BERDAYA MAJU DAN MENARIK	256
	<i>Membangun Bandar Bertaraf Dunia yang Berdaya Maju dan Sesuai Didiami</i>	258
	Mewujud bandar padat dan cekap	262
	<i>Mengurus pertumbuhan</i>	262
	<i>Pembangunan bercampur</i>	264
	Mewujudkan bandar menarik dan selesa	265
	<i>Ruangan terbuka dan koridor hijau</i>	265
	<i>Membangunkan semula waterfront</i>	265
	<i>Seni, budaya dan riadah</i>	267
	<i>Memperluas Perkhidmatan Asas di Kawasan Luar Bandar</i>	268
	MEMBANGUN SISTEM PENGANGKUTAN AWAM YANG MENGUTAMAKAN RAKYAT	271
	<i>Memacu Pembaharuan Kawal Selia dan Industri</i>	273
	<i>Meningkat Pelaburan dalam Keupayaan Pengangkutan Sejajar dengan Pertumbuhan Bandar</i>	275
	Inisiatif <i>Greater</i> Kuala Lumpur	275
	Bandar raya dan kawasan bandar lain	276
	Sistem antara bandar	277
	<i>Mempromosi Sistem yang Lancar Bagi Semua Mod dan Pengusaha</i>	277
	<i>Mewujudkan Rejim Pemantauan dan Penguatkuasaan yang Mantap</i>	278

MENTRANSFORMASIKAN PENJAGAAN KESIHATAN UNTUK MEMPERTINGKAT KUALITI DAN MENYEDIA AKSES SEJAGAT	280
<i>Mentransformasikan Sistem Penyampaian Penjagaan Kesihatan</i>	283
<i>Mempertingkatkan Kualiti, Keupayaan dan Liputan Infrastruktur Penjagaan Kesihatan</i>	284
<i>Peralihan Ke Arah Kesejahteraan dan Pencegahan Penyakit</i>	286
<i>Mempertingkatkan Kualiti Modal Insan di Sektor Kesihatan</i>	288
MEMASTIKAN AKSES KEPADA PERUMAHAN BERKUALITI DAN MAMPU MILIK	290
<i>Memperkemas Sistem Pengagihan Perumahan Mampu Milik</i>	292
<i>Memperkukuh Usaha Menyediakan Perumahan Berkualiti Tinggi dan Persekitaran Mampan</i>	293
<i>Memupuk Industri Perumahan yang Sihat dan Mampan</i>	294
MENYEDIA UTILITI DAN KEMUDAHAN AWAM YANG LEBIH CEKAP	295
<i>Pengurusan Sumber dan Bekalan Air</i>	295
<i>Membangun strategi jangka panjang bagi pengurusan sumber air untuk memastikan bekalan air yang terjamin</i>	296
<i>Usaha berterusan penstrukturan semula industri perkhidmatan air</i>	297
<i>Melindungi sungai daripada pencemaran</i>	299
<i>Memastikan Bekalan Elektrik yang Andal</i>	300
<i>Meningkat dan mempelbagaikan keupayaan penjanaan</i>	301
<i>Memperkukuh rangkaian penghantaran dan pengagihan</i>	301
<i>Penstrukturan semula industri bekalan elektrik</i>	302
<i>Menambah baik penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan</i>	302
<i>Meningkatkan Penembusan Jalur Lebar Secara Signifikan</i>	303
<i>Penstrukturan Semula Pengurusan Sisa Pepejal</i>	303
<i>Menyedia bantuan kepada pihak berkuasa tempatan</i>	304
<i>Memberi perkhidmatan sanitari yang menyeluruh</i>	305
<i>Memastikan sisa diurus secara mampan</i>	306
MENJADIKAN JALAN DAN KOMUNITI LEBIH SELAMAT	307
<i>Meningkatkan Usaha Memerangi Jenayah</i>	309
<i>Mengeratkan Hubungan Antara Polis, Orang Awam dan Sektor Swasta</i>	309
<i>Mewujudkan Persekitaran yang Lebih Selamat dan Terjamin</i>	310
<i>Meningkatkan Ketelusan Ke Atas Prestasi dan Tanggapan Terhadap Persepsi</i>	312
MENGHARGAI KHAZANAH ALAM SEKITAR NEGARA	313
<i>Membentuk Strategi Pembangunan Kental Persekitaran Bagi Malaysia</i>	316

	Adaptasi iklim: Melindungi negara daripada risiko perubahan iklim	316
	Mitigasi iklim: Pengurangan jejak karbon Malaysia	317
	Mewujudkan insentif yang lebih menarik bagi pelaburan dalam pembangunan tenaga boleh diperbaharu	318
	Menambah baik pengurusan sisa pepejal	321
	Memulihara kawasan hutan	321
	Mengurang pelepasan untuk meningkatkan kualiti udara	321
	<i>Mempertingkat Pemuliharaan Aset Ekologi Negara</i>	322
	Mempertingkat usaha pemuliharaan hutan dan hidupan liar	323
	Menjamin penggunaan sumber yang mampan dan saksama	324
	KESIMPULAN	326
BAB 7	MENTRANSFORMASIKAN KERAJAAN KE ARAH MENTRANSFORMASIKAN MALAYSIA	330
	Pendekatan Keseluruhan Kerajaan	330
	Prinsip Transformasi Kerajaan	330
	MERANGKA PERKHIDMATAN AWAM BERORIENTASI RAKYAT DAN PERNIAGAAN	332
	<i>Mereka Bentuk Perkhidmatan yang Cepak dan Mudah kepada Rakyat dan Perniagaan</i>	332
	<i>Mengguna Pakai Pendekatan Rundingan serta Mendapat Input dan Maklum Balas Secara Proaktif</i>	338
	<i>Menurunkan Kuasa kepada Agensi Penyampaian di Barisan Hadapan</i>	339
	<i>Memperkenalkan Persaingan dan Mekanisme Pasaran dalam Perkhidmatan Awam</i>	341
	<i>Membanteras Rasuah bagi meningkatkan Keberkesanan Penyampaian</i>	342
	MEMPERCEPAT PENYAMPAIAN MELALUI PENGURUSAN OUTCOME UTAMA YANG TELUS DAN BERTANGGUNGJAWAB	346
	<i>Pelaksanaan Pendekatan Berasaskan Outcome</i>	347
	<i>Peralihan daripada Pembiayaan Infrastruktur Fizikal kepada Infrastruktur Bukan Fizikal bagi Mencapai Outcome</i>	349
	MEMPERKUKUH PERANAN KERAJAAN SEBAGAI PEMUDAH CARA EFEKTIF BAGI PERTUMBUHAN YANG DIPACU SEKTOR SWASTA	350
	<i>Memperkukuh Peranan Kerajaan sebagai Penggubal Dasar dan Pengawal Selia Bebas</i>	351
	<i>Meningkatkan Peranan Sektor Swasta dalam Pelaburan Nasional dan Penyampaian</i>	

<i>Perkhidmatan Awam</i>	352
<i>Mengurangkan Pemilikan dan Kawalan Kerajaan dalam Aset Bukan Teras secara Sistematis</i>	353
MEMACU PRODUKTIVITI BAGI MEMASTIKAN PENGGUNAAN KEWANGAN SEKTOR AWAM YANG BERHEMAT	354
MERASIONALISASI DAN MEMBANGUN KAPASITI KERAJAAN	357
<i>Merasionalisasi Organisasi dan Struktur Kerajaan Sedia Ada</i>	357
<i>Membangun Kapasiti dalam Organisasi yang Memfokus kepada Keutamaan Negara</i>	358
Mewujudkan Unit Pemantauan Berprestasi Tinggi	359
<i>Menarik, Membina dan Mengekalkan Modal Insan Cemerlang dalam Perkhidmatan Awam</i>	360
Memperkuh budaya prestasi	361
Menarik minat modal insan cemerlang	362
Menyuntik amalan terbaik ke dalam sektor awam	363
Mereka bentuk skim perkhidmatan yang fleksibel	364
Menjaja semula program bina upaya	364
KESIMPULAN	365
PERUNTUKAN PEMBANGUNAN KERAJAAN PERSEKUTUAN	
Carta AKP-1: Peruntukan Pembangunan Kerajaan Persekutuan mengikut Fizikal dan Bukan Fizikal, Peratusan kepada Jumlah (%)	
Carta AKP-2: Peruntukan Pembangunan Kerajaan Persekutuan mengikut Sektor, Peratusan kepada Jumlah (%)	370
LAMPIRAN	
LAMPIRAN 1: JADUAL PERANGKAAN	374
LAMPIRAN 2: KEMAJUAN DAN PENCAPAIAN RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN, 2006-2010	404
GLOSARI AKRONIM	434
INDEKS	444

Senarai Jadual

BAB 2	MEMBANGUN BERASASKAN KEKUATAN NEGARA	
	Jadual 2-1 Prospek Ekonomi Dunia, 2006-2015	54
	Jadual 2-2 Imbangan Pembayaran, 2010 dan 2015	60
BAB 3	MEWUJUDKAN PERSEKITARAN UNTUK MENJAYAKAN PERTUMBUHAN EKONOMI	
	Jadual 3-1 Pelaksanaan Pendekatan Mesra Perniagaan dan Fasilitasi Perdagangan	80
BAB 4	MENUJU KE ARAH PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI SECARA INKLUSIF	
	Jadual 4-1 Instrumen Dasar - Sebelum dan Selepas	145
BAB 6	MEWUJUDKAN PERSEKITARAN KE ARAH MENINGKATKAN KUALITI HIDUP	
	Jadual 6-1 Pendekatan Baru Untuk Mewujud Bandar yang Berdaya Maju dan Sesuai Didiami	260
	Jadual 6-2 Dasar Negara mengenai Permuliharaan dan Perlindungan Alam Sekitar	314
	Jadual 6-3 Inisiatif untuk Memacu Usaha Kecekapan Tenaga	320
BAB 7	MENTRANSFORMASIKAN KERAJAAN KE ARAH MENTRANSFORMASIKAN MALAYSIA	
	Jadual 7-1 Memudah Cara Perkhidmatan Mesra Rakyat, Perniagaan dan Perdagangan	334

Senarai Carta

BAB 1

1 MALAYSIA: MENCARTA PEMBANGUNAN KE ARAH NEGARA BERPENDAPATAN TINGGI

Carta 1-1	Malaysia menghadapi cabaran persaingan yang sengit bagi pelaburan dan eksport	3
Carta 1-2	Malaysia menikmati pertumbuhan memberangsangkan pada masa dahulu tetapi kehilangan momentum sejak Krisis Kewangan Asia	4
Carta 1-3	Produktiviti Malaysia dibelakang negara-negara berpendapatan tinggi Asia	5

BAB 2

2 MEMBANGUN BERASASKAN KEKUATAN NEGARA

Carta 2-1	KDNK sebenar mencatatkan pertumbuhan lebih perlahan dalam RMKe-9 berbanding RMKe-8	37
Carta 2-2	Pelaburan swasta yang rendah diimbangi oleh pelaburan awam yang tinggi	38
Carta 2-3	Imbangan Pembayaran, 2000-2010	40
Carta 2-4	Pencapaian mengikut sektor di bawah RMKe-8 dan RMKe-9	41
Carta 2-5	Akaun Kerajaan Persekutuan, 2000-2010	43
Carta 2-6	KDNK Sebenar dan PNK per kapita ke arah ekonomi berpendapatan tinggi	55
Carta 2-7	Produktiviti Faktor Keseluruhan dijangka meningkat	56
Carta 2-8	Pertumbuhan pelaburan dan penggunaan swasta yang lebih pantas berbanding tempoh RMKe-9	57
Carta 2-9	Perbandingan penggunaan swasta di negara terpilih	59
Carta 2-10	Pertumbuhan mengikut sektor diteraju oleh sektor perkhidmatan	61
Carta 2-11	Mengurangkan defisit fiskal Kerajaan Persekutuan	62
Carta 2-12	Ke arah kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan yang mampan	63
Carta 2-13	RMKe-10 akan menggembeng usaha untuk mentransformasikan Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi	65

BAB 3

3 MEWUJUDKAN PERSEKITARAN UNTUK MENJAYAKAN PERTUMBUHAN EKONOMI

Carta 3-1	Pertumbuhan produktiviti Malaysia menurun pasca 1997	70
Carta 3-2	Program reformasi yang berpandangan jauh akan menyediakan persekitaran yang membolehkan NKEA mencapai pertumbuhan ekonomi yang disasarkan	72
Carta 3-3	Malaysia di kedudukan ke-23 dalam laporan Bank Dunia <i>Doing Business</i> 2010	75

Carta 3-4	Perkhidmatan dijangka meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan 7.2% pada tahun 2015	77
Carta 3-5	Struktur institusi yang menyokong inovasi dan R&D	87
Carta 3-6	84% firma menyatakan bahawa kekurangan pembiayaan menghalang inovasi	89
Carta 3-7	Pembangunan dan Penyelidikan Kerajaan dan Dana Pengkomersilan di bawah tempoh Rancangan	90
Carta 3-8	Sumbangan EKS kepada KDNK meningkat, dengan 86% EKS Malaysia dalam sektor perkhidmatan	96
Carta 3-9	Sumbangan EKS Malaysia kepada KDNK adalah rendah berbanding negara lain	97
Carta 3-10	Malaysia di kedudukan Ke 10 dalam papan mata daya saing dunia 2010	102
Carta 3-11	Persekitaran rantai penawaran lebih penting daripada tarif	105
Carta 3-12	Aliran masuk tahunan FDI Malaysia hanya meningkat sebanyak 1% daripada CAGR	106
Carta 3-13	Bilangan keseluruhan ekspatriat di Malaysia menurun sejak tahun 2000	107
Carta 3-14	Peningkatan 10% penembusan jalur lebar dapat menyokong peningkatan dalam pertumbuhan KDNK melebihi 1%	110
Carta 3-15	Penembusan jalur lebar Malaysia mencapai 31% isi rumah pada tahun 2009 dan dijangka mencapai 75% pada tahun 2015	111
Carta 3-16	Peta liputan jalur lebar pada tahun 2015	112
Carta 3-17	Lima tonggak strategik bagi Dasar Baru Tenaga	115
Carta 3-18	Kuala Lumpur mempunyai output ekonomi per kilometer persegi yang lebih rendah secara relatif berbanding bandar lain di Asia	119
Carta 3-19	<i>Greater</i> Kuala Lumpur menyumbang 8 kali ganda KDNK berbanding kluster geografi lain di Malaysia	120
Carta 3-20	Lima koridor telah diwujudkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan	121

BAB 4 MENUJU KE ARAH PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI SECARA INKLUSIF

Carta 4-1	Sasaran telah ditetapkan dalam tempoh RMKe-10 bagi memastikan pendekatan inklusif dilihat dari pelbagai sudut	143
Carta 4-2	Kemiskinan di kawasan bandar dan luar bandar telah berkurangan secara ketara sejak tahun 1970	151
Carta 4-3	Pengagihan pendapatan di Malaysia bertambah baik sejak tahun 1990 dengan taburan penduduk merentasi setiap kelas pendapatan yang lebih seimbang	152
Carta 4-4	Ciri-ciri terpilih ketua isi rumah 40% terendah menunjukkan pelbagai cabaran yang perlu ditangani	153

Carta 4-5	Program RMKe-10 dapat memberi peluang baru dan meningkatkan taraf hidup isi rumah 40% terendah	154
Carta 4-6	Walaupun majoriti isi rumah luar bandar bekerja sendiri, sumber daripada pengajian adalah penyumbang terbesar pendapatan	156
Carta 4-7	Walaupun dengan kemajuan yang memberangsangkan, masih wujud potensi untuk menambahbaik kedudukan kekayaan Bumiputera	168
Carta 4-8	Instrumen dasar akan dikategorikan untuk memenuhi keperluan tahap perniagaan yang berbeza	169
Carta 4-9	Kampong Bharu terletak di lokasi strategik berhampiran kawasan hartanah utama	174
Carta 4-10	Kemajuan yang ketara telah dicapai dalam menyediakan infrastruktur fizikal asas di kawasan luar bandar	176
Carta 4-11	Wanita di Malaysia mempunyai pencapaian pendidikan yang tinggi, namun penyertaan dalam tenaga buruh masih rendah	181

BAB 5 MEMBANGUN DAN MENGEKALKAN ASAS TENAGA MAHIR BERTARAF DUNIA


Carta 5-1	Keperluan Malaysia untuk merapatkan jurang perbezaan bagi mencapai ciri modal insan bertaraf dunia	194
Carta 5-2	Rangka kerja pembangunan modal insan yang bersepadu bagi Malaysia	196
Carta 5-3	Kadar enrolmen kanak-kanak prasekolah berumur 4+ dan 5+ disasar mencapai 87% pada tahun 2012	202
Carta 5-4	Program LINUS di seluruh negara bertujuan meningkatkan kemahiran literasi dan numerasi murid sekolah rendah	203
Carta 5-5	Program Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT): 20 SBT perintis telah diumumkan pada Januari 2010	206
Carta 5-6	Bai'ah Untuk Guru Besar: Semua sekolah rendah di Malaysia telah diberi penarafan berdasarkan prestasi sekolah	207
Carta 5-7	Kualiti guru merupakan penentu utama untuk mengubah prestasi pelajar	209
Carta 5-8	Mengarusperdanakan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional: Dwi-laluan ke arah mendapat pekerjaan	221
Carta 5-9	Peningkatan ketara bilangan pekerja asing di Malaysia sejak sedekad yang lalu	238
Carta 5-10	Sektor yang sangat bergantung kepada pekerja asing tidak mahir mempunyai produktiviti yang rendah	238

BAB 6 MEWUJUDKAN PERSEKITARAN KE ARAH MENINGKATKAN KUALITI HIDUP

Carta 6-1	Lebih daripada 70% penduduk Malaysia akan mendiami kawasan bandar menjelang tahun 2020	257
Carta 6-2	Terdapat hubungankait yang rapat antara kekayaan bandar dan kualiti hidup di bandar	258
Carta 6-3	Pertumbuhan akan tertumpu di konurbasi bandar	261
Carta 6-4	Kajian Kes: Urbanisasi Baru, anjakan kepada model bandar padat	264
Carta 6-5	Bandar Asia yang lain telah memperakui kepentingan memiliki kebudayaan dan kesenian yang berdaya maju	266
Carta 6-6	Tumpuan di kawasan luar bandar adalah untuk menambahbaik infrastruktur asas	269
Carta 6-7	Transit Aliran Berkapasiti Tinggi akan menjadi mercu tanda Greater KL	276
Carta 6-8	Malaysia telah menunjukkan kemajuan dalam mempertingkatkan kesihatan warganya	280
Carta 6-9	Pencapaian kesihatan Malaysia berbanding dengan negara terpilih berdasarkan pendapatan setara	281
Carta 6-10	Sektor kesihatan awam mempunyai bilangan katil dan kemasukan ke wad yang tinggi namun bilangan doktor yang sederhana berbanding sektor swasta	283
Carta 6-11	Perubahan gaya hidup menyumbang kepada peningkatan kejadian penyakit kronik	287
Carta 6-12	Dalam tempoh Rancangan, peningkatan yang signifikan dalam keupayaan modal insan di sektor kesihatan	289
Carta 6-13	Dianggarkan sejumlah 111,000 unit perumahan awam mampu dibeli atau disewa telah dibina dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan	290
Carta 6-14	Penstrukturan industri perkhidmatan air ke arah mempertingkatkan kecekapan operasi dan pengurusan	298
Carta 6-15	Dalam tempoh Rancangan, usaha menangani pencemaran lembangan sungai akan diberi tumpuan	299
Carta 6-16	Pengambilalihan fungsi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam untuk menambahbaik <i>outcome</i> kepada orang awam dan persekitaran	304
Carta 6-17	Keseluruhan jenayah indeks dalam tahun kebelakangan ini	307
Carta 6-18	Inisiatif yang dicadangkan bagi Jawatankuasa Bandar Selamat	311
Carta 6-19	Intensiti pelepasan dalam sektor tenaga di Malaysia pada tahun 2007 adalah lebih tinggi berbanding purata global	317
Carta 6-20	Sumbangan tenaga boleh diperbaharu kepada jumlah penjanaan elektrik negara akan meningkat daripada <1% pada tahun 1999 kepada 5.5% menjelang tahun 2015	319

**BAB 7 MENTRANSFORMASIKAN KERAJAAN KE ARAH
MENTRANSFORMASIKAN MALAYSIA**

Carta 7-1	MIDA akan diberi kuasa membuat keputusan dalam rundingan bersama pelabur	340
Carta 7-2	Pengenalan kepada tekanan persaingan dalam sistem penjagaan kesihatan UK yang menyumbang kepada penambahbaikan <i>outcome</i> pesakit	342
Carta 7-3	Peranan kerajaan sebagai pemudah cara yang berkesan dalam pertumbuhan yang dipacu sektor swasta	350
Carta 7-4	Unit berorientasikan prestasi yang memantau dan menjejaki penyampaian bidang keutamaan	359



Bab 1

1 MALAYSIA: MENCARTA PEMBANGUNAN KE ARAH NEGARA BERPENDAPATAN TINGGI

*Lapangan Terbang Antarabangsa
Kuala Lumpur*



Krisis kewangan global telahpun reda, ekonomi Malaysia kini kembali pulih dan semakin kukuh. Pertumbuhan ekonomi yang cergas telah dicapai dengan pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada suku pertama tahun 2010 sebanyak 10.1%, iaitu kadar tertinggi dalam tempoh 10 tahun. Namun, bagi mencapai status ekonomi berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, cabarannya adalah untuk mengekalkan momentum pertumbuhan cergas. Bagi merealisasikan Wawasan 2020, pertumbuhan KDNK pada kadar 6.0% setahun diperlukan sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Aspirasi ini tidak akan tercapai tanpa transformasi ekonomi yang menyeluruh. Malah jika transformasi tersebut tidak dilaksanakan, Malaysia bakal ketinggalan memandangkan negara membangun yang lain berkembang pantas dan kian merapatkan jurang kemajuan. Sungguhpun ekonomi negara sekarang kukuh, kita tidak sewajarnya leka. Jika tanda awal keretakan diabaikan, kemakmuran jangka panjang negara akan terjejas.

Malaysia kini berada pada persimpangan yang kritikal dalam meneruskan pembangunan negara. Dua faktor paling penting yang mendorong perubahan ialah: pertama, perubahan persekitaran persaingan global; dan kedua, ketidaksesuaian strategi sedia ada untuk menjamin pencapaian status negara berpendapatan tinggi.


Malaysia menghadapi persaingan yang lebih hebat pada masa ini. Negara semakin tertinggal dalam persaingan untuk menarik pelaburan langsung asing (FDI) serta meningkatkan eksport berbanding negara serantau, seperti ditunjukkan dalam *Carta 1-1*. Dalam fasa awal perindustrian Malaysia, terutamanya dalam tahun 1980an, hanya sebilangan kecil negara mengamalkan dasar terbuka dalam perdagangan dan pelaburan. Tetapi kini, dasar terbuka menjadi perkara biasa di serata dunia. Globalisasi menyebabkan persaingan antarabangsa bertambah sengit. Dalam usaha menarik FDI, Malaysia menghadapi persaingan bukan sahaja di kalangan negara terdekat malah perlu juga bersaing dengan negara Amerika Selatan dan Eropah Timur.

Prospek ekonomi global masih tidak menentu. Faktor risiko yang utama ialah isu struktural seperti pengangguran yang tinggi di kalangan negara maju, ketidakstabilan harga komoditi dan krisis kewangan di selatan Eropah. Justeru, bukan sahaja persaingan menjadi lebih sengit malah ketidaktentuan pertumbuhan global juga memungkinkan kurangnya perdagangan dan pelaburan bagi negara membangun.

Krisis kewangan global telah mempercepatkan peralihan kuasa ekonomi ke Asia. Walau bagaimanapun, peralihan tersebut tidak

Carta 1-1

Malaysia menghadapi cabaran persaingan yang sengit bagi pelaburan dan eksport



semestinya menguntungkan Malaysia. Kuasa ekonomi tertumpu kepada negara serantau yang besar, terutamanya India, China dan Indonesia. Negara tersebut mempunyai kelebihan dari segi kos yang rendah dan saiz pasaran domestik yang besar.


Malaysia seumpama terjerat dalam perangkap pendapatan sederhana kerana tidak lagi dapat bersaing dengan negara pengeluar berkost rendah dan pada masa yang sama, masih tidak setanding dengan negara maju yang berinovasi tinggi. Strategi yang dahulunya telah berjaya mentransformasikan Malaysia kepada sebuah

negara berpendapatan sederhana tinggi, kini tidak mampu untuk membawa Malaysia ke tahap pembangunan yang lebih maju.

Inisiatif Republik Korea untuk mentransformasikan ekonominya telah berjaya meletak negara tersebut jauh ke hadapan berbanding Malaysia. Pada tahun 1970, Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita Republik Korea adalah AS\$260 berbanding Malaysia sebanyak AS\$380 manakala pada tahun 2009, PNK per kapita Republik Korea meningkat kepada AS\$21,530 iaitu hampir tiga kali ganda PNK per kapita Malaysia sebanyak AS\$6,760.

Carta 1-2

Malaysia menikmati pertumbuhan memberangsangkan pada masa dahulu tetapi kehilangan momentum sejak Krisis Kewangan Asia



SUMBER: *World Economic Outlook* (April 2010), *International Monetary Fund*


Kedudukan Malaysia sebagai peneraju ekonomi serantau telah tergugat, seperti ditunjukkan dalam *Carta 1-2*. Prestasi pertumbuhan tersebut telah disebabkan, terutamanya oleh prestasi pelaburan swasta yang telah menyusut dari paras purata hampir 25% daripada KDNK dalam tahun 1990an kepada purata kira-kira 10% daripada KDNK dalam dekad yang lalu. Untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, negara perlu mencatat pertumbuhan pelaburan swasta pada kadar dua angka pada masa hadapan. Kadar ini adalah tinggi berbanding pertumbuhan yang dianggarkan hanya 2% setahun dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan

(RMKe-9). Dalam dekad yang lalu, Malaysia juga telah mengalami aliran keluar modal bersih sama ada dari segi kewangan mahupun modal insan.

Modal insan merupakan sumber paling penting bagi membolehkan Malaysia beralih kepada ekonomi yang berintensif pengetahuan dan diterajui inovasi. Walau bagaimanapun, di samping mengalami aliran keluar modal insan yang berbakat, pertumbuhan produktiviti pekerja di Malaysia juga semakin ketinggalan dan paras produktiviti jauh lebih rendah berbanding negara yang berpendapatan tinggi di Asia, seperti ditunjukkan dalam *Carta 1-3*.

Carta 1-3

Produktiviti Malaysia dibelakang negara-negara berpendapatan tinggi Asia



Transformasi Malaysia daripada sebuah negara berpendapatan rendah kepada sebuah negara berpendapatan sederhana tinggi adalah satu kejayaan yang membanggakan, seperti yang dijelaskan dalam *Kotak 1-1*. Walau bagaimanapun, kejayaan masa lalu tidak menjamin kejayaan pada masa hadapan dalam konteks aspirasi negara untuk mencapai status negara maju. Walaupun beberapa negara berjaya mencapai status berpendapatan tinggi, kebanyakan negara berpendapatan sederhana telah hilang momentum pertumbuhannya kerana tidak dapat beralih dasar ekonomi selaras dengan peralihan struktur ekonomi negara dan perkembangan ekonomi semasa.

Malaysia bukan sahaja menghadapi risiko terjerat dalam perangkap pendapatan sederhana malah mungkin tersepit di antara negara sedang membangun yang berkembang lebih pesat dan negara maju yang berkembang ke pasaran baru. Sebagai contoh, Vietnam semakin merapatkan jurang kemajuan dengan Malaysia malah dari segi teknologi bakal menandingi Malaysia. Pada masa yang sama, dalam persekitaran pasca krisis, negara maju juga memasuki pasaran serantau dan semakin bersaing secara langsung dengan Malaysia. Oleh yang demikian, Malaysia tidak mempunyai pilihan melainkan mengambil tindakan segera

Kotak 1-1***Growth Report***

Growth Report (2008) oleh Suruhanjaya Pertumbuhan dan Pembangunan dibawah Bank Dunia melaporkan kejayaan Malaysia sebagai salah satu daripada 13* negara yang berjaya mengekalkan pertumbuhan tinggi melebihi 7% untuk tempoh sekurang-kurangnya 25 tahun sejak tahun 1950. Pertumbuhan ekonomi yang pantas dan mampan tidak dapat dicapai dengan mudah memandangkan hanya 13 negara sahaja yang berjaya. Negara tersebut berbeza dari segi saiz ataupun kelebihan sumber yang dimiliki namun kejayaan mereka mempunyai lima persamaan berikut:

- Keterbukaan kepada ekonomi global, iaitu dari segi memanfaatkan peluang daripada ekonomi global dan memperolehi idea, teknologi dan pengetahuan;
- Kestabilan ekonomi makro, iaitu membendung inflasi dan mengamalkan kewangan awam yang mampan;
- Berorientasikan masa hadapan, dengan pelaburan dan tabungan yang tinggi;
- Pengagihan dan penggabungan sumber berasaskan pasaran; dan
- Kepimpinan yang berkeupayaan dan komited untuk mencapai pertumbuhan dan pembangunan secara inklusif.

Laporan ini menunjukkan bahawa tiada formula khusus untuk pertumbuhan yang mampan. Walaupun sistem berasaskan pasaran adalah penting dalam mengagihkan sumber secara optimum, Kerajaan perlu memainkan peranan aktif dalam pembangunan ekonomi. Justeru, transformasi ekonomi pada lazimnya dilaksana secara berhemat berasaskan keupayaan institusi. Transformasi biasanya diselaras oleh pasukan kecil tertentu yang dianggotai teknokrat berkeahlian tinggi yang melapor kepada kepimpinan tertinggi. Laporan ini juga menekankan kepentingan menjelaskan wawasan masa depan negara yang menyakinkan kerana proses transformasi menuntut pengorbanan rakyat untuk mencapai taraf hidup yang lebih tinggi pada masa hadapan.

Daripada 13 negara yang mencapai pertumbuhan tinggi, hanya enam negara telah mencapai status berpendapatan tinggi. Pertumbuhan kebanyakan negara menjadi perlahan selepas mencapai status negara berpendapatan sederhana. Apabila upah meningkat, daya saing industri berintensif buruh akan terhakis. Dalam hal ini, peningkatan kemahiran yang meliputi seluruh spektrum guna tenaga perlu diutamakan untuk menyokong peralihan kepada industri yang berintensifkan pengetahuan. Sehubungan ini, laporan ini menekankan pentingnya dasar ekonomi negara berpendapatan sederhana diselaraskan dengan keperluan ekonomi yang kian berubah.

[* 13 negara berkenaan adalah Botswana; Brazil; China; Hong Kong, SAR; Indonesia; Japan; Republik Korea; Malaysia; Malta; Oman; Singapura; Taiwan; dan Thailand]

untuk melonjakkan negara keluar dari perangkap pendapatan sederhana.

Negara memerlukan model ekonomi yang baru untuk terus maju dan menyertai kumpulan negara berpendapatan tinggi. Satu anjakan paradigma diperlukan terutamanya dari segi strategi ekonomi negara dan dasar ekonomi Kerajaan. Transformasi ekonomi yang diperlukan amat menyeluruh dan dengan itu, hanya dapat dijayakan melalui komitmen dan usaha semua pihak.

Malaysia berada dalam fasa yang kritikal untuk mentransformasikan ekonomi negara bagi

mencapai aspirasi ekonomi berpendapatan tinggi. Malaysia boleh berjaya menjadi negara maju sekiranya seluruh tenaga dan kepakaran digembleng ke arah itu. RMKe-10 telah disediakan dengan mencarta perjalanan pembangunan negara ke arah mencapai Wawasan 2020. Tema RMKe-10 dirumuskan ke dalam bentuk 10 idea utama. Sekiranya 10 idea utama berikut dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh dan berterusan, Malaysia pasti akan dapat mengatasi cabaran yang sedang dihadapi dan mencapai status negara maju dan ekonomi berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.



10 IDEA UTAMA

1	Ekonomi dipacu oleh faktor dalam negeri di samping mengambil kira persekitaran luar negara
2	Memanfaatkan kepelbagaian etnik untuk mencapai kejayaan di arena antarabangsa
3	Transformasi ke arah negara berpendapatan tinggi menerusi pengkhususan
4	Menjayakan pertumbuhan yang diterajui oleh produktiviti dan inovasi
5	Memupuk, menarik dan mengekalkan modal insan cemerlang
6	Memastikan peluang sama rata dan melindungi golongan yang mudah terjejas
7	Pertumbuhan bertumpu, pembangunan inklusif
8	Menyokong perkongsian pintar dan berkesan
9	Menghargai khazanah alam sekitar
10	Kerajaan umpama syarikat yang berdaya saing



1. EKONOMI DIPACU OLEH FAKTOR DALAM NEGERI DI SAMPING MENGAMBIL KIRA PERSEKITARAN LUAR NEGARA

Malaysia tidak mampu mengasingkan diri dari arus pembangunan global sama ada dari segi kitaran ekonomi dunia, persaingan sengit atau kenaikan harga komoditi. Usaha untuk melindungi negara, seumpamanya daripada kenaikan harga komoditi, akan melibatkan sumber yang banyak tetapi tidak membawa manfaat jangka panjang. Oleh itu, Malaysia perlu menggunakan sumber yang ada secara optimum dalam menghadapi cabaran global.

Pembangunan ekonomi Malaysia sebahagian besarnya bergantung kepada pertumbuhan eksport. Di samping itu, globalisasi telah meningkatkan lagi persaingan. Justeru, negara perlu berusaha dengan lebih gigih dalam menggembelng sumber yang ada bagi memastikan Malaysia terus berdaya saing dan berjaya dalam arena antarabangsa. Inilah teras bagi ekonomi yang dipacu oleh faktor dalam negeri di samping mengambil kira persekitaran luar negara. Bagi tujuan ini, dasar perlu diselaraskan secara berterusan dengan memberi keutamaan kepada peningkatan daya saing negara dan pertumbuhan ekonomi.

Konsep 1Malaysia merangkumi keperluan dari segi ekonomi untuk bersatu dengan mengoptimumkan sumber negara secara kolektif untuk bersaing di peringkat global. Transformasi ke arah negara berpendapatan tinggi memerlukan pengorbanan yang bersifat sementara dan komitmen dari semua pihak termasuk rakyat, sektor swasta dan sektor

awam. Pengorbanan ini perlu dilihat dalam konteks meraih manfaat jangka panjang dan mampan dalam bentuk pendapatan dan kualiti hidup yang lebih tinggi selaras dengan Wawasan 2020. Kejayaan mencapai Wawasan 2020 bukan sahaja dari segi pendapatan dan kualiti hidup yang lebih tinggi tetapi juga mencapai status negara maju yang selaras dengan nilai budaya Malaysia.

Usaha gigih untuk meningkatkan daya saing ekonomi akan diterjemah kepada keutamaan dasar dan peruntukan sumber dalam tempoh RMKe-10. Persaingan global memerlukan Malaysia meminimumkan halangan untuk meningkatkan daya saing serta merancang pertumbuhan ekonomi dan dengan itu, memerlukan beberapa penyesuaian dasar.

Antara inisiatif spesifik yang akan diambil untuk memacu daya saing ekonomi dalam negeri termasuk pelaksanaan undang-undang persaingan, pemansuhan kawalan harga yang menyebabkan herotan pasaran dan pelaksanaan dasar meliberalisasi, terutamanya dalam sektor perkhidmatan. Sektor perdagangan dan berorientasi eksport akan terus diberi penekanan di samping sektor perkhidmatan yang menyokong perdagangan. Kerajaan akan terus mengkaji semula dan menambah baik peraturan seperti undang-undang perburuhan bagi memudahkan ekonomi berasaskan pasaran berkembang dengan baik.



Keutamaan akan diberi kepada peraturan yang membantu memudahkan urusan menjalankan perniagaan bagi menarik lebih banyak pelaburan swasta dan membolehkan sektor tersebut menjadi peneraju pertumbuhan yang berkesan. Kerajaan juga akan menyokong aktiviti sektor swasta dengan memudahkan penyediaan dana terutamanya bagi membantu enterpris mikro,

modal teroka untuk inovasi dan pembiayaan berkaitan eksport. Pada masa yang sama, tumpuan akan diberi kepada usaha menyusun semula keutamaan pelaburan sektor awam, khususnya program projek yang berpotensi dan memberi faedah sampingan yang tinggi dalam menggerakkan pertumbuhan ekonomi.

2. MEMANFAATKAN KEPELBAGAIAN ETNIK UNTUK MENCAPAI KEJAYAAN DI ARENA ANTARABANGSA

Konsep 1Malaysia bukan hanya setakat keharmonian bangsa dan perpaduan dalam negara. Perbezaan etnik dan warisan budaya perlu dilihat sebagai satu kelebihan Malaysia. Tiga kumpulan etnik utama di Malaysia dengan sendirinya mewujudkan hubungan dengan negara China, India dan Indonesia iaitu tiga buah negara terbesar dan berkembang pantas di rantau ini. Islam, sebagai agama rasmi negara

menghubungkan Malaysia dengan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), termasuk negara teluk yang kaya dengan sumber petroleum. Dalam konteks jaringan ekonomi global yang semakin rapat, kepelbagaian budaya memberi kelebihan untuk membina rangkaian perdagangan dan pelaburan yang lebih besar. Oleh yang demikian, Malaysia perlu memanfaatkan 1Malaysia di peringkat antarabangsa.

Kotak 1-2

1Malaysia dalam Konteks Islam

Al-Quran mengajar kita:

Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu).

Al-Hujarat (49:13)

Ayat ini membawa maksud bahawa setiap makhluk di muka bumi ini adalah ciptaan Allah S.W.T, zuriat daripada satu pasangan lelaki dan wanita. Perbezaan etnik dan bangsa hanyalah untuk memudahkan kita melihat sesama sendiri sebagai manusia di muka bumi ini. Bagi Allah S.W.T. kita dilihat sebagai satu masyarakat dan orang yang layak berada di sisi Allah S.W.T. adalah orang yang paling beriman di kalangan kita.

Pengajaran ilmu yang suci ini adalah panduan untuk kita hidup bersama dan belajar antara satu sama lain. Konsep 1Malaysia, yang menerapkan nilai Islam ini, menggalakkan perpaduan bertunjangkan nilai-nilai murni. Hanya melalui sifat kemanusiaan dan perasaan saling hormat menghormati perbezaan di antara kita, dapat kita menjadi lebih baik dan maju berbanding dengan kekuatan individu. Inilah yang kita perlukan sebagai sebuah negara dalam merangka kemajuan untuk masa hadapan. Inilah 1Malaysia.

Momentum pertumbuhan global semakin menjurus ke rantau Asia dan Malaysia terletak di tengah benua Asia. Malaysia perlu menggunakan sepenuhnya kelebihan dari kedudukan geografinya yang strategik, berdekatan dengan pasaran yang berkembang pantas. Sebagai sebuah ekonomi kecil dan terbuka, integrasi dengan ekonomi global dan serantau adalah penting untuk mengukuhkan daya saing. Dalam RMKe-10, Malaysia akan memberi tumpuan yang lebih kepada pasaran baru yang berkembang pesat terutamanya Asia dan ASEAN. Inisiatif utama termasuk mempergiatkan promosi perdagangan, meningkatkan hubungan serantau (seperti meluaskan rangkaian laluan penerbangan di peringkat serantau dan meningkatkan jaringan jalur lebar) serta meneruskan integrasi serantau melalui perjanjian perdagangan. Ini akan dilaksanakan selaras dengan usaha mengukuhkan hubungan dengan pasaran eksport tradisional seperti Australia, Eropah dan Amerika Syarikat.

Kerajaan akan terus menyokong syarikat Malaysia untuk muncul sebagai juara serantau dan membantu membuka pasaran baru. Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) telah diperturunkan kuasa





supaya bertindak pantas dalam usaha menarik pelaburan serta meneroka peluang perdagangan baru. Kerjasama antara negara akan terus diperkukuhkan khususnya dalam melaksanakan projek infrastruktur. Sebagai contoh, syarikat Malaysia dibantu mendapatkan projek membina jalan raya di India dan syarikat dari China terlibat dalam projek pembinaan landasan kereta api di Malaysia. Kerajaan juga akan menjalin kerjasama dua hala melalui pelaburan bersama. Dalam hal ini, syarikat Pembangunan 1Malaysia Berhad telah menandatangani Perjanjian Persefahaman dengan *State Grid Corporation of China* dan *Qatar Investment Authority* bagi menerokai peluang pelaburan di Malaysia.

Malaysia perlu mengambil manfaat bukan sahaja daripada rakyat di dalam negara tetapi juga yang di luar negara. Kerajaan akan menubuhkan *Talent Corporation* untuk mengenal pasti dan menarik lebih ramai modal insan cemerlang termasuk dari kalangan rakyat Malaysia yang berada di serata dunia. Usaha mewujudkan jalinan dengan rakyat Malaysia yang berada di serata dunia akan menambah sumber pakar rujuk, memperluas jaringan perniagaan di peringkat antarabangsa dan membantu syarikat Malaysia menembusi pasaran luar negara.

3. TRANSFORMASI KE ARAH NEGARA BERPENDAPATAN TINGGI MENERUSI PENGKHUSUSAN

Ketika mencapai kemerdekaan, Malaysia hanya sebuah negara berpendapatan rendah yang bergantung kepada getah dan bijih timah. Transformasi negara kepada sebuah ekonomi berpendapatan sederhana tinggi pada hari ini adalah didorong terutamanya oleh strategi pelbagaian sektor. Di peringkat awal, daya saing dalam pelbagai sektor adalah berasaskan kos rendah. Walau bagaimanapun, Malaysia tidak mampu lagi bergantung kepada kos rendah sebagai kelebihan bersaing. Tambahan pula, rangkaian keluaran dan integrasi semakin meluas di peringkat serantau telah memberi tekanan untuk meningkatkan pengkhususan.

Transformasi dari negara berpendapatan sederhana kepada yang berpendapatan tinggi memerlukan peralihan kepada aktiviti nilai ditambah tinggi dan berintensif pengetahuan. Aktiviti nilai ditambah tinggi pula memerlukan pengkhususan untuk berdaya saing. Peralihan daripada fasa kepelbagaian sektor di peringkat awal kepada pengkhususan dalam fasa pembangunan berikutnya adalah selaras dengan pengalaman negara berpendapatan tinggi Asia, seperti Republik Korea dan Taiwan. Memandangkan pengkhususan memerlukan ekonomi berskala besar, saiz dan sumber

Malaysia yang secara relatifnya lebih kecil, menghadkan bilangan bidang pengkhususan yang dapat dijayakan.

Mengekalkan industri yang tidak berdaya saing akan mengekang pertumbuhan sektor yang berdaya saing kerana sumber yang ada seperti bekalan gas adalah terhad. Pewujudan persekitaran ekonomi yang berdaya saing berasaskan pasaran akan membolehkan syarikat berdaya maju berkembang pesat manakala yang tidak berdaya saing akan tersingkir dengan sendirinya.

Kerajaan memainkan peranan utama dalam mewujudkan persekitaran yang kondusif serta menyokong pertumbuhan sektor baru melalui penyediaan kerangka dasar, pembangunan modal insan, penyediaan infrastruktur yang diperlukan dan menyokong pembangunan kluster perindustrian. Selaras dengan ekonomi yang diterajui oleh sektor swasta, peranan Kerajaan bukan untuk menentukan pengkhususan sektor tetapi untuk membantu mempercepat dan memudahkan proses pengkhususan terutamanya melalui pelaburan bersama dengan industri dalam latihan kemahiran, penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan infrastruktur.

Oleh kerana itu, dalam RMKe-10, Kerajaan akan menggembelng sumber yang ada ke arah menyusun keutamaan dalam Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) sebagai sebahagian daripada strategi ke arah lebih banyak pengkhususan. Seterusnya, dalam setiap NKEA, juga terdapat keperluan untuk pengkhususan mengikut subsektor.

Sektor elektrik dan elektronik (E&E) adalah satu contoh NKEA yang memerlukan pengkhususan subsektor, misalnya dalam bidang opto-elektronik dan sistem embeded. Kehadiran firma global terkemuka dengan kemahiran dalam bidang berkaitan membolehkan pengkhususan dalam subsektor tersebut. Pada umumnya, teras strategi pengkhususan adalah berlandaskan kekuatan dan kompetensi sedia ada. Strategi pengkhususan juga dapat mendorong aktiviti ekonomi baru dalam bidang yang berkaitan. Pengkhususan dalam sektor E&E sebagai contoh telah menghasilkan kompetensi dan kemahiran yang dapat membantu pembangunan industri panel solar dan peralatan perubatan di Malaysia.

Dalam konteks pengkhususan, satu persamaan antara NKEA adalah penekanan yang diberikan kepada peningkatan kualiti dan pengukuhan rangkaian nilai. Sebagai contoh kepada strategi yang memberi penekanan terhadap kualiti ialah menggalak lebih banyak hospital mendapat akreditasi antarabangsa, menarik lebih ramai pelancong berbelanja lebih, membangunkan pusat kecemerlangan E&E dan meningkatkan kualiti institusi pendidikan. Rangkaian nilai diperkukuh untuk meraih peluang pertumbuhan seperti dalam subsektor perkhidmatan berkaitan minyak dan gas, aktiviti hiliran industri kelapa sawit dan pemprosesan makanan.

Di samping melaksanakan strategi pengkhususan dan inisiatif berhubung dengan sektor NKEA, Kerajaan juga akan memberi tumpuan kepada pemboleh transformasi ekonomi dan memperkukuh persekitaran perniagaan. Tumpuan akan diberi kepada aspek seperti produktiviti dan inovasi, memupuk dan menarik modal insan cemerlang dan membangunkan kluster berskala besar.

4. MENJAYAKAN PERTUMBUHAN YANG DITERAJUI OLEH PRODUKTIVITI DAN INOVASI

Transformasi daripada negara berpendapatan rendah kepada negara berpendapatan sederhana, telah didorong oleh pertumbuhan ekonomi yang dipacu terutamanya oleh pertambahan faktor pengeluaran – modal (pelaburan), tenaga (bahan api murah) dan pekerja (tempatan dan asing yang kebanyakannya berkemahiran rendah). Model pertumbuhan yang dipacu oleh faktor tersebut tidak lagi sesuai dalam suasana persaingan sengit untuk menarik FDI dan modal insan selain sumber semula jadi yang terhad. Tambahan pula, model tersebut tidak konsisten dengan keperluan struktur ekonomi berpendapatan tinggi yang berasaskan aktiviti bernilai ditambah tinggi. Transformasi ke arah aktiviti bernilai ditambah lebih tinggi memerlukan pertumbuhan produktiviti. Pendapatan rakyat Malaysia hanya dapat ditingkatkan dengan berkesan melalui peningkatan produktiviti yang berterusan. Di samping itu, produktiviti bakal menjadi pemangkin untuk merealisasikan potensi pertumbuhan Malaysia.

Justeru, dalam RMKe-10, penekanan khusus akan diberi kepada pemboleh produktiviti terutamanya:

- Memberi tumpuan kepada pembangunan kemahiran terutamanya dalam meningkatkan kemahiran tenaga kerja sedia ada bagi membantu industri beralih ke rangkaian nilai lebih tinggi;
- Menggalak pembangunan kluster perindustrian bertumpu dan eko-sistem yang menyokong pengkhususan dan skala ekonomi;

- Mempertingkatkan promosi yang mensasar kepada pelaburan berkualiti yang menyokong aktiviti bernilai ditambah tinggi dan penyebaran teknologi; dan
- Menambah pelaburan awam dalam pemboleh inovasi terutamanya R&D dan pembiayaan modal teroka.

Dalam RMKe-10, Kerajaan komited untuk membangunkan kreativiti melalui usaha seperti merangsang keusahawanan, menerap elemen inovasi dalam kurikulum persekolahan, memfokus kepada R&D dan meningkatkan ketersediaan modal berisiko. Kerajaan akan menyediakan dana yang lebih besar untuk modal teroka terutamanya berasaskan Mudharabah (perkongsian risiko) melalui pelaburan bersama dengan sektor swasta. Kerajaan akan meningkatkan perbelanjaan R&D dalam tempoh RMKe-10 melalui dana sektor awam yang lebih besar serta menyokong usaha R&D sektor swasta.

Kajian semula ke atas undang-undang insolvensi akan dijalankan untuk menyediakan persekitaran sesuai untuk inovasi yang dapat menerima kegagalan, menggalakkan perbezaan pendapat dan memberikan peluang kedua kepada usahawan. Bagi menggalakkan inovasi melalui enterpris kecil berasaskan pengetahuan, fleksibiliti kawal selia akan diberikan kepada syarikat yang mempunyai tenaga kerja tidak melebihi lima orang.

5. MEMUPUK, MENARIK DAN MENGEKALKAN MODAL INSAN CEMERLANG

Bagi membolehkan Malaysia bersaing di peringkat global dan memacu ekonomi yang diterajui oleh inovasi, negara perlu memupuk, menarik dan mengekalkan modal insan yang cemerlang. Pembangunan modal insan merupakan asas utama bagi menjayakan transformasi ke arah negara berpendapatan tinggi.

Ke arah memupuk modal insan cemerlang, Kerajaan akan melakukan pembaharuan secara komprehensif ke atas kitaran pembangunan modal insan bermula di peringkat awal kanak-kanak sehingga ke alam pekerjaan. Usaha meningkatkan pencapaian pelajar akan dimulakan dengan membangun dan memotivasi kecemerlangan guru. Sekolah dan pengetua akan dipertanggungjawab ke atas prestasi pelajar.

Latihan kemahiran akan diberi penekanan utama di bawah RMKe-10 bagi memastikan Malaysia mempunyai modal insan yang memenuhi keperluan industri dan memacu peningkatan produktiviti bagi membolehkan industri beralih ke rantai nilai lebih tinggi. Pendidikan teknikal dan latihan vokasional akan diarusperdana dan ditingkatkan kualiti lulusannya. Langkah ini penting bagi menyediakan alternatif bagi membolehkan individu merealisasikan potensi mereka sepenuhnya berdasarkan kecenderungan dan bakat masing-masing.

Kerajaan juga akan memperluas program latihan sambil bekerja melalui Sistem Latihan Dual Nasional dan program latihan industri. Program latihan industri, latihan *soft skills* dan penempatan pekerja akan disediakan untuk siswazah menganggur.

Pembaharuan pendidikan akan dilaksanakan dengan objektif untuk memastikan tiada kanak-kanak dinafikan hak mendapat peluang mencapai kejayaan. Pada masa yang sama, inisiatif akan diambil untuk memupuk modal insan terbaik bagi menyokong sektor ekonomi yang mempunyai nilai ditambah tinggi dan berasaskan pengetahuan. Inisiatif tersebut juga termasuk penubuhan sekolah berprestasi tinggi dan pemberian biasiswa berprestij kepada pelajar cemerlang berasaskan merit.

Selain melahirkan modal insan berkemahiran, tumpuan juga akan diberi kepada usaha untuk menarik dan mengekalkan modal insan cemerlang. Khusus untuk itu, *Talent Corporation* akan ditubuhkan dengan mandat utama untuk menarik tenaga pakar yang diperlukan dalam sektor ekonomi utama. Bagi menyokong usaha itu, kemasukan pekerja asing berpengetahuan akan dipermudahkan. Pada masa yang sama, strategi untuk mewujudkan bandar yang selesa didiami dan membangunkan kluster perindustrian yang khusus akan menyediakan persekitaran yang kondusif untuk menarik modal insan cemerlang.

6. MEMASTIKAN PELUANG SAMA RATA DAN MELINDUNGI GOLONGAN YANG MUDAH TERJEJAS

Falsafah pembangunan berasaskan pertumbuhan dengan pengagihan akan terus diguna pakai sebagai teras kepada pembangunan ekonomi negara. Dalam menangani cabaran untuk mengekalkan momentum pertumbuhan, Kerajaan perlu mengambil pendekatan baru dalam melaksanakan agenda pengagihan dengan mengambil kira perkembangan dan perubahan persekitaran semasa.

Asas kepada konsep 1Malaysia adalah berteraskan kepada prinsip keadilan sosial. Prinsip ini akan membela kepentingan setiap golongan masyarakat dan memastikan tiada kumpulan yang akan terpinggir daripada arus pembangunan negara. Dalam konteks ini, keadilan sosial perlu mengambil kira tahap pencapaian setiap golongan masyarakat. Oleh yang demikian, keadilan melibatkan pelaksanaan pendekatan pengagihan yang menyediakan bantuan tambahan kepada kumpulan yang kurang mendapat manfaat daripada pembangunan sosioekonomi. Matlamat akhir yang ingin dicapai adalah untuk mewujudkan peluang dan asas yang sama rata bagi setiap rakyat untuk menyertai dan bersaing dalam aktiviti pembangunan ekonomi. Dasar pengagihan akan memberi tumpuan kepada usaha memastikan peluang yang saksama dinikmati oleh semua. Pada masa yang sama, usaha penerapan prinsip kesaksamaan perlu dilaksana bagi memastikan usaha gigih, keupayaan dan integriti diberi penghargaan sewajarnya.

Insiden kemiskinan telah berkurangan dengan ketara daripada 49.3% pada tahun 1970 kepada hanya 3.8% pada tahun 2009 manakala kemiskinan tegar hampir terhapus dengan insiden hanya 0.7% pada tahun 2009. Oleh itu, Malaysia secara efektifnya, telah berjaya memerangi kemiskinan. Sungguhpun begitu, masih terdapat kelompok kecil kemiskinan di beberapa lokasi dan komuniti tertentu. Kerajaan tetap komited untuk membantu dan menjaga kebajikan kumpulan miskin serta golongan yang mudah terjejas. Program khusus akan dilaksanakan untuk membasmi kemiskinan secara berterusan terutamanya menerusi penyediaan peluang penjaan pendapatan melalui projek seperti agropolitan. Kemiskinan bukan sahaja fenomena di luar bandar. Justeru, program khusus juga akan diberi kepada golongan miskin di bandar seperti skim kredit mikro.

Kerajaan telah berjaya mengurangkan insiden kemiskinan dengan ketara dan oleh itu RMKe-10 akan beralih tumpuan ke arah menangani isu berkaitan isi rumah berpendapatan 40% terendah yang berjumlah 2.4 juta. Strategi yang akan diguna pakai untuk kumpulan ini adalah dengan memastikan mereka berpeluang menikmati taraf hidup yang lebih tinggi berbanding strategi membasmi kemiskinan yang berasaskan kepada pemberian bantuan secara langsung kepada rakyat termiskin. Bagi tujuan itu, teras utama RMKe-10 ialah untuk meningkatkan kapasiti

dan keupayaan mereka untuk meningkatkan pendapatan. Program latihan kemahiran dan pembangunan keusahawanan akan disasarkan kepada tenaga kerja yang berpendapatan dan berkemahiran rendah. Program juga akan dilaksana bagi faedah kumpulan yang kurang mendapat manfaat daripada pembangunan sosioekonomi bagi memupuk sikap jati diri dan keinginan untuk mencapai aspirasi mereka.

Sehingga kini, matlamat Dasar Ekonomi Baru untuk menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi masih relevan. Walau bagaimanapun, dalam konteks perubahan yang berlaku di luar negara dan kemajuan pembangunan dalam negeri, agenda pembangunan Bumiputera perlu dilaksana dengan menggunakan pendekatan baru. Strategi dan instrumen baru perlu dirangka ke arah mewujudkan penyertaan Bumiputera secara berkesan dan berterusan. Pendekatan baru ini perlu berasaskan kepada prinsip mesra pasaran, berasaskan merit, ketelusan dan berdasarkan keperluan. Tumpuan akan diberikan kepada Bumiputera di Sabah dan Sarawak terutamanya dari kalangan minoriti Bumiputera serta masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia.

Mekanisme yang mesra pasaran akan dilaksana bagi mewujudkan peluang kepada Bumiputera untuk meraih kesempatan daripada pelaksanaan pendekatan dasar pro-pertumbuhan. Pada masa yang sama, agenda pembangunan

Bumiputera perlu mengambil kira hakikat bahawa keupayaan Bumiputera telah meningkat dengan ketara berbanding kedudukan 40 tahun yang lalu. Kalau dahulunya Bumiputera bergantung kepada peruntukan ekuiti, kini mereka perlu memanfaatkan kebolehan untuk menyertai aktiviti ekonomi secara menyeluruh, berkesan dan berterusan. Keutamaan dan tumpuan adalah ke arah membangunkan enterpris Bumiputera berdaya saing dan meningkatkan penyertaan Bumiputera di peringkat pengurusan tertinggi. Sokongan berasaskan merit akan diberikan kepada Bumiputera yang telah membuktikan kesungguhan dan keupayaan untuk berjaya. Program pembangunan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) akan dilaksana berdasarkan kategori syarikat Bumiputera mengikut tahap perniagaan. Bentuk sokongan yang akan diberikan adalah berbeza mengikut saiz enterpris. Bantuan secara langsung dan pembangunan kapasiti akan ditumpukan kepada enterpris mikro berasaskan keperluan manakala bantuan kepada syarikat Bumiputera yang besar adalah berasaskan merit.

Dalam menilai pencapaian agenda Bumiputera, matriks penyertaan Bumiputera dalam ekonomi akan dibentuk bagi mengukur kekayaan dalam konteks yang lebih luas meliputi ekuiti dan kelas aset lain seperti hartanah, sebagai tambahan kepada kayu ukur sedia ada, dan penyertaan enterpris dalam ekonomi dan pekerjaan berpendapatan tinggi.

7. PERTUMBUHAN BERTUMPU, PEMBANGUNAN INKLUSIF

Persaingan bukan lagi hanya antara negara tetapi juga antara bandar. Dalam mentransformasikan Malaysia ke arah ekonomi berpendapatan tinggi, strategi akan menumpu kepada peningkatan kepadatan, pembangunan kluster dan pengkhususan dalam sektor bernilai ditambah tinggi. Pengkhususan dalam firma dan modal insan akan menyokong pertumbuhan ekonomi yang lebih pantas terutamanya dalam meraih faedah dari peningkatan produktiviti dan inovasi. Penduduk di bandar yang berdensiti tinggi menggalakkan pembentukan kluster kerana menawarkan upah yang lebih tinggi serta meningkatkan peluang ekonomi. Faktor utama yang memacu peningkatan pendapatan purata rakyat Malaysia dalam beberapa dekad yang lalu adalah peningkatan penduduk bandar. Menjelang tahun 2020, kira-kira 70% daripada jumlah penduduk Malaysia tertumpu di bandar. Dengan itu, cabaran yang dihadapi ialah untuk menyediakan kemudahan kepada bandar untuk memastikan bahawa faedah kepadatan tidak terjejas berikutan peningkatan jenayah, pencemaran dan kesesakan.

Keselesaan hidup di bandar raya adalah faktor penting dalam membolehkan bandar di Malaysia bersaing untuk mendapatkan modal insan yang berkemahiran tinggi dari persada global. Seseorang memilih sesuatu bandar untuk menetap bukan sahaja kerana adanya peluang

pekerjaan tetapi mereka juga mencari tempat yang berdaya maju dan sesuai untuk didiami. Oleh itu, keutamaan dasar di bawah RMKe-10 adalah untuk meningkatkan kesesuaian untuk didiami sesuatu bandar. Inisiatif utama telah dikenal pasti di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) terutamanya dalam memerangi jenayah dan memperbaiki sistem pengangkutan awam di pusat bandar utama. Walaupun begitu, kesesuaian untuk didiami merangkumi konsep yang lebih luas termasuk persekitaran yang memberangsangkan sebagai tempat untuk tinggal, bekerja dan beriadah. Pendekatan holistik tersebut adalah penting terutamanya dalam konteks untuk menarik modal insan cemerlang ke bandar bagi memacu sektor pertumbuhan strategik.

Bandar raya Kuala Lumpur dan kawasan sekitarnya (*Greater KL*) telah dikenal pasti sebagai satu NKEA. Projek dan inisiatif utama yang dirancang di bawah RMKe-10 ke arah mentransformasikan *Greater KL* menjadi sebuah bandar bertaraf dunia termasuk :

- Pembangunan utama yang akan dilaksanakan termasuk wilayah kewangan antarabangsa di Kuala Lumpur, pembangunan semula lapangan terbang Sungai Besi, pembangunan perbandaran Sungai Buloh, penubuhan kemudahan konvensyen bertaraf dunia yang bersepadu di Jalan Duta dan Pusat *Malaysia Truly Asia*;


- Pelaburan besar dalam pengangkutan awam termasuk perluasan liputan perkhidmatan Transit Aliran Ringan (LRT) Kuala Lumpur dan pelaksanaan Transit Aliran Berkapasiti Tinggi (MRT) secara besar-besaran. Selain itu, rangkaian perkhidmatan bas perantara dan laluan pejalan kaki berbumbung akan ditambah bagi keselesaan warga kota; dan
- Usaha pembangunan semula bandar untuk memulih dan melindungi bangunan warisan serta meningkatkan nilai tanah seperti pembangunan semula Kampung Bharu di Kuala Lumpur. Selain itu, Kerajaan akan memperkenalkan mekanisme *en-bloc* bagi memudahkan pembangunan semula harta dan tanah yang dimiliki secara kolektif.

Selain itu, strategi khusus akan dilaksanakan untuk bandar lain seperti Georgetown, Johor Bahru, Kuching dan Kota Kinabalu, terutama dari segi kesesuaian sebagai tempat tinggal, perhubungan dan mengukuhkan lagi kluster perindustrian mengikut kekuatan masing-masing, misalnya, kluster E&E di Pulau Pinang dan kluster pelancongan di Kota Kinabalu. Inisiatif utama termasuk meningkatkan pengangkutan awam dan membangunkan *waterfront* sebagai satu identiti tersendiri. Pembangunan koridor ekonomi telah diperkenalkan dalam RMKe-9 dan di dalam

RMKe-10, konsep ini akan diperkemas dengan memberi fokus kepada pembangunan kluster tertentu dalam koridor berkenaan.

Usaha mengagihkan aktiviti ekonomi ke seluruh negara adalah tidak optimum kerana tumpuan firma dan pekerja berpengetahuan adalah di bandar. Oleh yang demikian, Kerajaan akan mengukuhkan kluster sedia ada dan akan membangunkan lokasi lain mengikut kekuatan dan kelebihan masing-masing.

Sungguhpun pertumbuhan tertumpu di bandar, pembangunan semestinya inklusif, dengan mengambil kira perbezaan taraf hidup yang wujud di antara bandar dan luar bandar. Justeru, dalam RMKe-10, Kerajaan akan terus memberi penekanan kepada pembangunan luar bandar, terutamanya dalam konteks meningkatkan akses kepada pendidikan dan kemudahan utiliti, jalan raya dan aktiviti ekonomi luar bandar. Di bawah NKRA bagi infrastruktur asas luar bandar, Kerajaan akan menaik taraf jalan serta, bekalan air dan elektrik di Sabah dan Sarawak. Perancangan dan pembangunan bandar dan luar bandar secara bersepadu adalah kritikal bagi membolehkan penduduk di kawasan luar bandar memanfaatkan bandar terutamanya dari segi peluang pekerjaan serta pasaran untuk hasilan luar bandar.



Kotak 1-3

Mencorakkan Semula Geografi Ekonomi

Pembangunan, perpindahan penduduk dan peningkatan pengkhususan adalah tunjang kepada pembangunan. Transformasi ini membawa kemakmuran tetapi disertai dengan isu lain yang tersendiri. Mesej utama yang dibawa dalam Laporan Pembangunan Bank Dunia 2009: *Reshaping Economic Geography* (WDR 2009) adalah apabila ekonomi berkembang daripada berpendapatan rendah kepada berpendapatan tinggi, aktiviti ekonomi akan menjadi lebih tertumpu kepada sesuatu geografi tertentu. Walau bagaimanapun, pembangunan masih dapat dilaksanakan secara inklusif. Cara untuk memperolehi kedua-dua faedah daripada pengelompokan kawasan sekitar bandar dan faedah daripada peningkatan taraf hidup di seluruh negara adalah melalui integrasi ekonomi.

WDR 2009 menganalisis geografi pembangunan ekonomi dari tiga dimensi seperti berikut:

Kepadatan dianalisis di peringkat tempatan dari segi penumpuan di pusat bandar untuk faedah pengelompokan. Dalam konteks Malaysia, penubuhan wilayah kewangan antarabangsa di Kuala Lumpur akan membantu menyokong penumpuan profesional dan institusi kewangan termasuk institusi kewangan Islam antarabangsa;

Jarak sebahagian besarnya diambil kira di peringkat negara, iaitu jarak di antara kawasan yang berjaya dari segi ekonominya dengan kawasan yang ketinggalan ekonominya. Cabaran dasar adalah untuk membantu firma dan pekerja mengatasi masalah jarak ke kawasan yang berjaya melalui peningkatan infrastruktur jalan raya. Sebagai contoh, Lebuhraya Pantai Timur akan membantu meningkatkan hubungan antara negeri di pantai timur dengan Lembah Klang; dan